

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	11/07/2012

Dr. Mahathir sambut hari lahir ke-87

UM - 11/7/2012
KUALA LUMPUR 10 Julai - Bekas Perdana Menteri yang juga seorang negarawan yang menjadi sanjungan rakyat Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyambut hari kelahiran beliau yang ke-87.

Pelbagai lapisan masyarakat di negara ini tidak putus-putus mengucapkan selamat hari lahir kepada Dr. Mahathir melalui laman sosial Facebook, Twitter dan juga blognya, chedet.co.cc.

Malah, pelbagai blog seperti *Rocky's Bru* dan *House PK* turut menampilkan ucapan khas kepada Dr. Mahathir sempena hari kelahirannya itu.

Walaupun ada yang terkeliru mengenai tarikh lahir beliau yang sebenar, ia tidak menjadi alasan untuk ramai rakyat Malaysia menyanjungi dan mendoakan agar bekas Perdana Menteri itu terus dipanjangkan umur, selain mengucapkan kata-kata penghargaan kepada Bapa Pemodenan Malaysia itu.

Seorang daripada rakan Facebook beliau, Norfaizah Muhammad mendoakan agar Dr. Mahathir dikurniakan kesihatan yang berpanjangan, dimurahkan rezeki dan kehidupan yang diberkati Allah.

Sementara itu, anak lelaki Dr. Mahathir, Datuk Mukhriz dalam laman Twitter beliau pula mengucapkan terima kasih atas ucapan daripada rakyat Malaysia dan menghargai segala doa dan penghargaan yang disampaikan kepada bapanya.

Dilahirkan di Seberang Perak, Alor Setar, Kedah, Dr. Mahathir dikatakan mempunyai dua tarikh lahir berbeza iaitu pada hari ini dan 20 Disember 1925.

Namun menurut buku biografi Dr. Mahathir, *A Doctor In The House*, tarikh lahir beliau yang sebenar adalah pada hari ini sementara 20 Disember digunakannya bagi membolehkan beliau mendaftar masuk ke sekolah lebih awal.